



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 78  
No. 10

**10hb Mac 2025**

*TAMBAHAN No. 6  
PERUNDANGAN*

---

---

**Pk. P.U. 7.**

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (PERAK) 2004

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 37

MENURUT seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [*Enakmen Bil. 4 tahun 2004*], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Perak, menyediakan pernyataan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual sebagai fatwa dan disiarkan menurut subseksyen 37(6) Enakmen itu.

## JADUAL

FATWA BERKENAAN AJARAN, FAHAMAN, AMALAN ATAU  
PEGANGAN YANG DIBAWA OLEH NASIRUDDIN BIN MOHD ALI  
DAN PARA PENGIKUTNYA MELALUI *GISB HOLDINGS SDN. BHD.*  
SERTA ENTITI YANG BERKAITAN DENGANNYA

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak yang bersidang pada 12 hingga 14 Disember 2024 bersamaan 10 hingga 12 Jamadilakhir 1446H dan merujuk fatwa yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak* No. Pk. P.U. 16. bertarikh 18 Ogos 1994 dan No. 297 bertarikh 12 Mac 2009, dengan ini memutuskan seperti berikut:

- (i) Nasiruddin bin Mohd Ali adalah salah seorang individu yang mempunyai kawalan dan kuasa ke atas entiti yang dikenali sebagai *GISB Holdings Sdn. Bhd.* serta entiti lain yang mempunyai hubungan kait secara langsung atau tidak langsung dengan *GISB Holdings Sdn. Bhd.*

- 
- (ii) Terdapat bukti menunjukkan bahawa *GISB Holdings Sdn. Bhd.* dan entiti yang berkaitan dengannya mempunyai kaitan secara langsung atau tidak langsung serta berkesinambungan dengan rangkaian syarikat gabungan *Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd.* atau SRC dan Kumpulan Darul Arqam atau Al-Arqam.
- (iii) Nasiruddin bin Mohd Ali, *GISB Holdings Sdn. Bhd.*, entiti dan individu berkaitan masih berpegang kepada ajaran yang terkandung di dalam buku bertajuk "*Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam Sekaligus Menjawab Tuduhan*" dan "*Manaqib (Riwayat Hidup) Asy-Syeikh As-Saiyid Muhammad Bin Abdullah As-Suhaimi*" serta mengamalkan tarekat *Aurad Muhammadiyah*, iaitu amalan pengikut dan ahli kumpulan Al-Arqam yang difatwakan menyeleweng daripada ajaran Islam pada tahun 1994.
- (iv) Ajaran yang terkandung di dalam buku bertajuk "*Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam Sekaligus Menjawab Tuduhan*" dan "*Manaqib (Riwayat Hidup) Asy-Syeikh As-Saiyid Muhammad Bin Abdullah As-Suhaimi*" serta apa-apa variasi, versi, bentuk dan cabang yang terbit daripada ajaran tersebut adalah bertentangan dengan syariat Islam dan akidah Ahli Sunah Waljamaah.
- (v) Antara ciri ajaran, fahaman, amalan atau pegangan yang bertentangan dengan syariat Islam dan akidah Ahli Sunah Waljamaah yang terkandung di dalam buku bertajuk "*Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam Sekaligus Menjawab Tuduhan*" dan "*Manaqib (Riwayat Hidup) Asy-Syeikh As-Saiyid Muhammad Bin Abdullah As-Suhaimi*" termasuk apa-apa ajaran atau doktrin yang mempunyai kaitan secara langsung atau tidak langsung dan berkesinambungan dengan rangkaian syarikat gabungan *Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd.* atau SRC dan Kumpulan Darul Arqam atau Al-Arqam serta apa-apa variasi, versi, bentuk dan cabang yang terbit daripada ajaran tersebut adalah seperti berikut :
- (a) mempercayai bahawa Haji Ashaari bin Muhammad yang telah meninggal dunia pada tahun 2010 adalah *Sahibul Zaman* (Mujaddid), akan bangkit semula sebagai pemuda *Bani Tamim*;
  - (b) mempercayai bahawa Haji Ashaari bin Muhammad boleh memberi syafaat kepada para pengikutnya tanpa bukti dan dalil yang boleh diterima di sisi syarak;
  - (c) mempercayai bahawa Asy-Syeikh As-Saiyid Muhammad Bin Abdullah As-Suhaimi yang telah meninggal dunia pada tahun 1923 tidak mati, tetapi ghaib dan akan muncul sebagai Imam Mahdi; dan

- (d) mengamalkan Zikir Agung (الذكر الأعظم) yang menyatakan bahawa Asy-Syeikh As-Saiyid Muhammad Bin Abdullah As-Suhaimi yang telah meninggal dunia pada tahun 1923 sebagai Imam Mahdi dengan mengetepikan ciri sebenar Imam Mahdi yang disebut dalam hadis Nabi.
- (vi) Antara ciri ajaran, fahaman, amalan atau pegangan yang bertentangan dengan syariat Islam dan akidah Ahli Sunah Waljamaah yang dibawa oleh Nasiruddin bin Mohd Ali dan para pengikutnya melalui *GISB Holdings Sdn. Bhd.* serta entiti yang berkaitan dengannya adalah seperti berikut:
- (a) mempercayai bahawa air basuhan anggota badan, air rendaman seperti rambut dan janggut para pemimpin *GISB Holdings Sdn. Bhd.* serta entiti yang berkaitan dengannya mempunyai berkat sedangkan kepercayaan sedemikian tidak memenuhi syarat *tabarruk* (mengambil berkat) yang dibenarkan oleh hukum syarak; dan
- (b) mengamalkan model ekonomi yang mempunyai unsur eksploitasi dan penindasan yang bercanggah dengan hukum syarak.
- (vii) Mana-mana orang Islam adalah dilarang—
- (a) berpegang, mempercayai, mengajar, menyebarkan atau mengamalkan dengan apa-apa pegangan, kepercayaan, ajaran, amalan atau fahaman atau menjadi pengikut dengan apa jua cara ikutan; atau
- (b) memiliki, menyimpan, menjual, memuat naik, memuat turun, menyebarkan, mengedarkan, menggantungkan atau menerbitkan apa jua bentuk penerbitan bercetak, bertulis atau elektronik termasuklah poster, buku, majalah, risalah dan apa-apa bahan bacaan lain sama ada dicetak, ditaip, ditulis tangan, atau dikeluarkan dalam apa jua bentuk keluaran atau ulangannya termasuklah filem, audio, visual, rakaman, laman sesawang, media cetak atau media elektronik melainkan telah mendapat keizinan bertulis daripada Jabatan Agama Islam Negeri Perak bagi tujuan penyelidikan dan seumpamanya,
- yang berkaitan dengan *GISB Holdings Sdn. Bhd.*, rangkaian syarikat gabungan *Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd.* atau SRC dan Kumpulan Darul Arqam atau Al-Arqam sama ada secara langsung atau tidak langsung.
- (viii) Mana-mana orang yang menyertai, berpegang, mempercayai, mengajar, menyebarkan atau mengamalkan pegangan, kepercayaan, ajaran, amalan atau fahaman ini hendaklah segera bertaubat dan memohon keampunan daripada Allah SWT dan hendaklah menjalani proses *istitabah* (bertaubat), pemulihan, latihan dan apa-apa program yang bersesuaian.

- (ix) Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (Majlis) boleh mendapatkan bantuan kepakaran dan pembiayaan daripada agensi berkaitan di peringkat negeri dan persekutuan bagi membantu melaksanakan proses *istitabah* (bertaubat) kepada para pengikut *GISB Holdings Sdn. Bhd.* Majlis juga diharuskan menggunakan dana zakat bagi tujuan melaksanakan proses *istitabah* (bertaubat), pemulihan, latihan dan apa-apa program yang bersesuaian.

Bertarikh 8 Januari 2025

[MN.PK.A351.IST/01/7 JLD.5 (43); PU.PK. 07/2001]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan

SAHIBUS SAMAAH DATO’ SERI HJ. WAN ZAHIDI BIN WAN TEH  
*Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan*

## اینکمن فنتدیرن اکام اسلام (فیراق) 2004

فتوی دباوه سیکشن 37

منوروت سیکشن 37 اینکمن فنتدیرن اکام اسلام (فیراق) 2004 [اینکمن بیل 4 تاهون 2004]، جاوتنکواس فتوی باکي نکري فیراق، مپدیاکن فریپاتان سبکاکیمان یغ دپاتاکن دالم جدوال سبکاکي فتوی دان دسیارکن منوروت سوبسیکشن (6) 37 اینکمن ایت.

### جدوال

فتوی برکنان اجرن، فهمن، عملن اتاو فکاغن یغ دباوا اولیه ناصرالدین بن محمد علی دان فارا فغیکوتن ملالوئی  
GISB HOLDINGS SDN. BHD. سر تا اینتی یغ برکاءیتن دغن

مشوارت خاص جاوتنکواس فتوی نکري فیراق یغ برسیدغ قد 12 هیغک 14 دسیمبر 2024 برساان 10 هیغک 12  
جادی اخیر 1446 هـ دان مروجوع فتوی یغ دسیارکن دالم ورتا کراجان نکري فیراق 16 No. Pk.P.U بر تاریخ 18  
اوکوس 1994 دان 297 No. بر تاریخ 12 مچ 2009، دغن این مموتوسکن سفرتی برایکوت:

(i) ناصرالدین بن محمد علی اداله سآورغ ایندیویدو یغ مشوپای کولن دان کواس کانس اینتی یغ دکنلی سبکاکي  
GISB Holdings Sdn. Bhd. سر تا اینتی لاین یغ مشوپای هوپوغ کاءیت سچارا لغسوغ اتاو تیدق لغسوغ  
دغن. GISB Holdings Sdn. Bhd.

(ii) تردافت بوقتی منوجوکن بهاوا GISB Holdings Sdn. Bhd. دان اینتی یغ برکاءیتن دغن مشوپای کاءیتن سچارا  
لغسوغ اتاو تیدق لغسوغ سر تا برکسینبوغن دغن رغانین شریکت کابوغن Rifaqa' Corporation Sdn. Bhd.  
اتاو SRC دان کومقولن دار الأرقام اتاو الأرقام.

(iii) ناصرالدین بن محمد علی، GISB Holdings Sdn. Bhd.، اینتی دان ایندیویدو برکاءیتن ماسیه برکغ کغد اجرن  
یغ ترکندوغ ددالم بوکو برتاجوق "أوراد محمدیه فکغن دار الأرقام سکالیکوس منجواب تودوهن" دان "مناقب  
(روایة هیدوف) الشیخ السید محمد بن عبد الله السهبي" سر تا مغلکلن طریقه أوراد محمدیه، یاءیت عملن  
فغیکوت دان اهلی کومقولن الأرقام یغ دفتواکن مپلیوین درفد اجرن اسلام قد تاهون 1994.

(iv) اجرن یڅ ترکنډوڅ دډالم بوکو برتاجوق "أوراد محمدیه فکڅن دار الأرقام سکالیکوس منجواب تودوهن" دان "مناقب (روایه هیدوڅ) الشیخ السید محمد بن عبد الله السهبي" سر تا اف-اف واریاسی، وړسی، بنتوق دان چایڅ یڅ تربیت درفد اجرن ترسبوت اداله برتننغن دغن شریعه اسلام دان عقیده اهلی سنة والجماعة.

(v) انتارا چیری اجرن، فهمن، عملن اتاو فکڅن یڅ برتننغن دغن شریعه اسلام دان عقیده اهلی سنة والجماعة یڅ ترکنډوڅ دډالم بوکو برتاجوق "أوراد محمدیه فکڅن دار الأرقام سکالیکوس منجواب تودوهن" دان "مناقب (روایه هیدوڅ) الشیخ السید محمد بن عبد الله السهبي" ترماسوق اف-اف اجرن اتاو دوکتیرین یڅ مثنویایي کاءیتن سچارا لغسوغ اتاو تیدق لغسوغ دان برکسینبوغن دغن رعکاین شریکت کابوغن Ruffaq' Corporation Sdn. Bhd. اتاو SRC دان کومولن دار الأرقام اتاو الأرقام سر تا اف-اف واریاسی، وړسی، بنتوق دان چایڅ یڅ تربیت درفد اجرن ترسبوت اداله سفرقي برایکوت :

(a) مفرچایایي بهاوا حاج أشعري بن محمد یڅ تله منیغکل دنیا قد تاهون 2010 اداله صاحب الزمان (مجدد)، اکن بغیکیت سمولا سباکایي قومودا نبی تائمیر؛

(b) مفرچایایي بهاوا حاج أشعري بن محمد بولیه مبري شفاعة کفد فارا فغیکوتن تنفا بوقتي دان دلیل یڅ بولیه دترما دسیسی شرع؛

(c) مفرچایایي بهاوا الشیخ السید محمد بن عبد الله السهبي یڅ تله منیغکل دنیا قد تاهون 1923 تیدق ماتی، تتافی غایب دان اکن مونچول سباکایي امام مهدي؛ دان

(d) مغلکلن ذیکیر اکوڅ (الذکر الأعظم) یڅ میاتاکن بهاوا الشیخ السید محمد بن عبد الله السهبي یڅ تله منیغکل دنیا قد تاهون 1923 سباکایي امام مهدي دغن معتشیکن چیری سبیر امام مهدي یڅ دسبوت دالم حدیث نبی.

(vi) انتارا چیری اجرن، فهمن، عملن اتاو فکڅن یڅ برتننغن دغن شریعه اسلام دان عقیده اهلی سنة والجماعة یڅ دباوا اولیه ناصرالدین بن محمد علی دان فارا فغیکوتن ملالووي GISB Holdings Sdn. Bhd. سر تا اینتیتي یڅ برکاءیتن دغن اداله سفرقي برایکوت:

(a) مفرچایایي بهاوا اءیر باسوهن اغکوتا بادن، اءیر رنډمن سفرقي رمبوت دان جغکوت فارا قمیشین GISB Holdings Sdn. Bhd. مثنویایي برکه سدغن کفرچایان سدیمیکین تیدق ممنوهي شرط تبرک (معمیل برکه) یڅ دبزنک اولیه حکوم شرع؛ دان

(b) مغلکلن مودیل ایکنووي یڅ مثنویایي عنصور ایکسفلوویتاسي دان فنیندنن یڅ برچغکه دغن حکوم شرع.

(vii) مان-مان اورغ اسلام اداله دلارغ -

(a) برفكغ، مفرچاياءى، مغاجر، مپير اتاو مغمملكن دغن اف-اف فكغن، كفرچاياءن، اجرن، عملن اتاو فهمن اتاو منجادي فقهيكوت دغن اف جوا چارا ايكونن؛ اتاو

(b) ميلقي، مپيشن، منجوال، موات ناءيق، موات تورون، مپيركن، مغيركن، مگكننوئغن اتاو منريبتكن اف جوا بنتوق فزيتن برچيتق، برتوليس اتاو ايليكترونيك ترماسوقله فوستر، بوكو، مجله، رساله دان اف-اف باهن باچئن لاءين سام اد دچيتق، دتاءيف، دتوليس تاغن، اتاو دكلواركن دالم اف جوا بنتوق كلوارن اتاو اولغنن ترماسوقله فيلم، اوديو، ويسوال، راغن، لامن سساوغ، ميديا چيتق اتاو ميديا ايليكترونيك ملائينكن تله منداقت كايدين برتوليس درغد جابتن اكام اسلام نكري فيراق باكي توجوان فليديقن دان ساومقامان،

يغ بركاءيتن دغن *GISB Holdings Sdn. Bhd.*، رڭكاين شريكت كابوغن *Rufaga' Corporation Sdn. Bhd.* اتاو SRC دان كومشولن دار الأرقام اتاو الأرقام سام اد سچارا لغسوغ اتاو تيدق لغسوغ.

(viii) مان-مان اورغ يغ مپرتاءى، برفكغ، مفرچاياءى، مغاجر، مپير اتاو مغمملكن فكغن، كفرچاياءن، اجرن، عملن اتاو فهمن اين هندقله سكرتا برتوبه دان موهون كامقون درغد الله سبحانه وتعالى دان هندقله منجالني فروسيس/ستتابه (برتوبه)، قمولين، لاتين دان اف-اف فروكرم يغ برسواين.

(ix) مجلس اكام اسلام دان عادت ملايو فيراق (مجلس) بوليه منداقتكن بنتوان كفاكرن دان قمبياءن درغد اكينسي بركاءيتن دفرىغت نكري دان فرسكوتوان باكي ممبتو ملقساانان فروسيس/ستتابه (برتوبه) كغد قارا فقهيكوت *GISB Holdings Sdn. Bhd.* مجلس جوكن دهاروسكن مگكونانك دانا زكاة باكي توجوان ملقساانان فروسيس/ستتابه (برتوبه)، قمولين، لاتين دان اف-اف فروكرم يغ برسواين.

بر تاريخ 8 جانواري 2025

[MN.PK.A351.IST/01/7 JLD.5 (43); PU.PK. 07/2001]

دغن تيته فرينته دولي يغ مها موليا سلطان

صاحب السباحة داتوء سري حاج وان زاهدي بن وان تيه  
مفتي نكري فيراق دار الرضوان

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA